

Galakkan pelancongan dalam negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November.- Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui Biro Ekonomi dan Pelancongan dan Biro Wanita dan Kotej Industri MPK Sungai Bunga aktif menyediakan pakej-pakej lawatan singkat dan program Inap Desa kepada pelancong-pelancong dalam dan luar negeri.

Dalam era pandemik COVID-19 ini, MPK Sungai Bunga menggalakkan pelancongan di dalam negeri melalui promosi-promosi yang sedang giat dijalankan pada masa sekarang bagi mengekang penularan virus tersebut di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, pagi tadi MPK Sungai Bunga menerima rombongan seramai 29 orang bekas pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri bersama keluarga masing-masing yang menyertai ejen pelancongan Tassamul bagi program lawatan ke Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, MPK Sungai Bunga, di sini.

Rombongan mula-mula dibawa melawat ke Makam Sultan Muhammad Hassan iaitu Sultan Brunei Ke-9.

Ketibaan rombongan di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri



ROMBONGAN berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi pemprosesan dan pembuatan Tufu Fah, Kuih Sapit, Sayur Bayam dan Ambuyat serta dialu-alukan untuk ikut serta memproses (kiri dan kanan).

Tanjung, MPK Sungai Bunga dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh yang seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan dan berkongsi pengalaman.

Pada lawatan tersebut, rombongan berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi pemprosesan dan pembuatan Tufu Fah, Kuih Sapit, Sayur Bayam dan Ambuyat serta



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga

dialu-alukan untuk ikut serta memproses.

Program Lawatan Singkat (Daytrip) dengan tema 'Berdudun ke Kampung Sungai Bunga' itu antaranya bertujuan bagi menyokong promosi melancong di dalam negara yang giat dijalankan

oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Di samping itu, orang ramai boleh melihat lebih dekat dan berkongsi pengalaman bagaimana mengerakkan aktiviti ekonomi bagi sesebuah

mukim dan kampung khususnya mengusahakan projek Satu Kampung Satu Produk (IKIP).

Dalam masa yang sama juga mengenal lebih dekat keindahan kampung-kampung yang terdapat di NBD lebih-lebih lagi yang giat mengusahakan perkhidmatan pelancongan yang menjadi keunikan yang mampu menarik pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara.

Inisiatif UNISSA capai kecemerlangan



GRADUAN Kepujian Kelas Pertama Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam iaitu Awang Muhammad Fuad bin Matahir.



GRADUAN Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam, Ahmad Hassanul Fikri bin Haji Asmalee.



MAHASIWI Tahun 3, Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Siti Noorizzah binti Abd. Mutalib.



MAHASISWI Tahun Akhir, Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Nurul Hafizah binti Haji Khairulhaphshah.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 November. - Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafl Al-Takharruj Ke-10, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan baru-baru ini merupakan penghargaan kepada para graduan dan mahasiswa atau mahasiswi atas segala pencapaian dan kecemerlangan di sepanjang mengikuti pengajian di UNISSA.

Pencapaian kali ini amat memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya kerana tahun ini graduan Kepujian Kelas Pertama Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam iaitu Awang Muhammad Fuad bin Matahir dianugerahkan Pingat Rektor dan memperoleh Hadiah Buku Universiti.

Awang Muhammad Fuad semasa ditemu bual Pelita Brunei baru-baru ini sangat bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan kekuatan dan kemudahan dalam pembelajarannya sepanjang di

UNISSA.

"Tanpa pertolongan dan izin Allah semuanya tidak akan ada. Dan saya jua turut bahagian dengan apa yang telah dicapai dan ribuan berterima kasih kepada terutamanya isteri dan kedua-dua ibu bapa saya serta mertua atas doa dan sokongan yang diberikan, dan juga kepada semua warga UNISSA termasuk kakitangan serta pensyarah-pensyarah yang mendidik saya daripada awal hingga akhir.

"Kejayaan yang dicapai bukanlah penamat bagi saya tetapi pembakar semangat untuk terus meraih kejayaan di dunia dan di akhirat InsyaaAllah," jelasnya.

Beliau jua menyarankan kepada semua terutama para pelajar untuk ingat tujuan kita di dunia ini, semuanya adalah untuk Allah Subhanahu Wata'ala, dekatkan diri dengan Al-Quran, kita semua ada petunjuk sudah sedia daripada Allah, iaitu Al-Quran dan Sunnah serta jadilah orang yang bermanfaat khususnya kepada

orang di sekeliling kita dan juga masyarakat.

Sepertimana lazimnya, UNISSA menyediakan empat jenis pingat iaitu Pingat Canselor, Pingat Pro Canselor, Pingat Rektor dan Pingat Universiti. UNISSA juga pada waktu yang sama, menyediakan hadiah buku bagi empat kategori yang berbeza: Hadiah Buku Bagi Tahun Akhir, Hadiah Buku Bagi Selain Dari Tahun Akhir, Hadiah Buku Bagi Keputusan Cemerlang Dalam Kursus Al-Quran (Aliran Arab Dan Juga Aliran Inggeris) dan Hadiah Buku Bagi Keputusan Cemerlang Dalam Kursus Melayu Islam Beraja.

Sementara graduan Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam, Ahmad Hassanul Fikri bin Haji Asmalee selain menzahirkan kesyukuran, beliau bangga serta bersyukur bukan khususnya dapat menamatkan program, meraih Hadiah Pingat dan Buku tetapi dengan rendah hatinya bangga mempunyai kedua-dua ibu bapa yang sentiasa berdoa untuk kejayaannya saya di dunia mahupun di akhirat.

Kata-kata nasihat beliau antaranya ialah berbakti kepada

ibu bapa sebaik mungkin serta memohon doa dari mereka untuk kebaikan diri serta menitikberatkan aspek disiplin dalam menguruskan masa dengan baik kerana setiap insan mempunyai peluang untuk meraih kejayaan maka harus merancang dengan baik.

Kita harus merancang dalam setiap perkara kerana jika tak merancang maka secara tidak langsung merancang akan kegagalan.

Kesemua pingat dan hadiah buku ini mempunyai kriteria masing-masing. Secara umumnya, kriteria dinilai bukan sahaja dari sudut kecemerlangan dalam akademik, kecemerlangan dalam aktiviti serta khidmat masyarakat, bahkan yang paling penting adalah kecemerlangan sahsiah.

Sementara itu, Nurul Hafizah binti Haji Khairulhaphshah yang merupakan mahasiswi Tahun Akhir bagi Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan sangat berterima kasih dan anugerah tersebut adalah daripada hasil usaha beliau yang belajar sepanjang tiga tahun sebagai

pelajar jurusan pengurusan perniagaan.

"Dan juga, saya tercalon sebagai penerima anugerah hadiah buku ini adalah kerana keputusan yang begitu baik dalam markah keseluruhan untuk setiap semester (CGPA) saya.

"Alhamdulillah segala puji bagi Allah atas rezeki yang tidak disangkakan. Saya berasa sangat gembira kerana telah menjadi salah seorang penerima hadiah buku ini. Dan juga saya berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan pensyarah-pensyarah yang selalu menolong saya semasa dalam pembelajaran. Dengan ini juga, saya dapat lebih motivasi untuk belajar lebih keras untuk tahun akhir saya," katanya lagi.

Manakala mahasiswi Tahun 3, Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Siti Noorizzah binti Abd. Mutalib sekali lagi dipilih sebagai penerima anugerah Hadiah Buku bagi tahun ini lagi untuk dua tahun berturut-turut.

Beliau berazam untuk meneruskan usaha dan memperbaiki sebarang kekurangan untuk lebih cemerlang dan terus memperoleh kejayaan lagi demi membanggakan kedua-dua ibu bapa dan membalas jasa mereka.

Sebagai pelajar yang mengambil pengurusan perniagaan, tambahnya, akan mengambil kesempatan berusaha lebih gigih lagi untuk mendapat pekerjaan atau meneruskan usaha berniaga sendiri sekali gus demi sama-sama mencorak ekonomi negara yang lebih mapan dan berdaya saing setanding negara dunia yang membangun pada masa akan datang.

Setentunya dengan adanya inisiatif UNISSA ini akan menjadi motivasi untuk terus berusaha dengan gigih lagi untuk mencapai kecemerlangan dalam merealisasikan visi dan misi UNISSA.